

02/12/1999

Lawatan PM disingkat kerana hujan lebat

LAWATAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke acara perasmian segmen maritim Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1999 (Lima '99) terpaksa disingkatkan berikutan hujan lebat serta ribut, petang semalam. Beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang tiba kira-kira jam 3.50 petang di KD Mahawangsa, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Jeti Star Cruise, Tanjung Malai, basah kuyup dan diberi sesalanan pakaian.

Beberapa orang kenamaan lain yang menunggu ketibaan Dr Mahathir, termasuk Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha; Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Kadir Sheikh Fadzir turut basah.

Di atas kapal KD Mahawangsa, Perdana Menteri dihadiahkan cenderamata berbentuk replika KD Mahawangsa oleh Pengerusi Eksekutif HW Lima Sdn Bhd, Tan Sri Abdul Wahab Nawi.

Dr Mahathir sebelum itu dijadual melawat 28 kapal yang menyertai segmen maritim Lima kali ini. Antara kapal yang menjadi tumpuan pameran kali ini ialah USS Vincennes dari Amerika Syarikat yang pernah menyertai Perang Teluk pada 1990.

KD Mahawangsa adalah antara kapal terancang milik TLDM yang mempunyai pelbagai fungsi sokongan dan perintah. Kapal seberat 4,500 tan dan panjang 103 meter itu mula beroperasi pada 16 Mei 1983.

Kapal yang dikendalikan 12 pegawai dan 136 anggota itu diketuai Pegawai Pemerintahnya Komander Yong Hock Hin.

Esok, Perdana Menteri dijangka melawat pusat pameran maritim di Awana Porto Malai yang ditangguh berikutan hujan semalam.

(END)